

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	24 JULY 2017

PM umum ganjaran, bantuan jana pendapatan

# Enam insentif warga FELDA

UM-24/7/2017  
Pg. 2

Oleh **SOFIAN BAHAROM**  
dan **HAKIMI ISMAIL**  
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 23 JULAI

**D**ATUK Seri Najib Tun Razak mengumumkan enam insentif untuk peneroka dan warga FELDA sempena Sambutan Hari Peneroka FELDA 2017 Peringkat Kebangsaan yang julung-julung kali diadakan di Dataran Putrajaya, di sini hari ini.

Pengumuman oleh Perdana Menteri itu merangkumi insentif melibatkan pelupusan hutang, bayaran insentif, kewujudan dana khas dan geran khas serta insentif perumahan.

Pada majlis tersebut, Najib telah mengumumkan bayaran in-



**Pembayaran ini melibatkan peruntukan berjumlah RM474.78 juta dengan pembayarannya akan dilakukan pada hujung Ogos ini."**

**NAJIB TUN RAZAK**  
Perdana Menteri

sentif khas sebanyak RM5,000 kepada 94,956 keluarga peneroka FELDA yang layak.

"Pembayaran ini melibatkan peruntukan berjumlah RM474.78 juta dengan pembayarannya akan

dilakukan pada hujung Ogos ini," katanya ketika berucap pada sambutan bertemakan Ekspresi FELDA, Negaraku Malaysia.

Selari dengan usaha ke arah tadbir urus dan integriti yang lebih mantap, Najib mengumumkan pelupusan sebahagian baki pinjaman saham FELDA Global Ventures Holdings Bhd. (FGV).

Sehingga kini katanya, sebanyak 77,934 peneroka yang sedang membayar pinjaman saham FGV akan dilupuskan baki pinjaman dengan kadar ringgit ke ringgit.

Sementara itu, Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, bagi 1,626 peneroka yang telah membayar habis pinjaman, mereka akan menerima ganjaran tunai sebanyak RM1,820.

"Ini melibatkan peruntukan

keseluruhan sebanyak RM128.1 juta. Bagi peneroka yang tidak pernah membuat sebarang bayaran pinjaman saham FGV kepada FELDA, tidak akan menerima insentif ini," katanya.

Beliau turut mengumumkan insentif pelupusan hutang tanam semula berjumlah RM5,000 kepada setiap peneroka yang memilih untuk menanam semula menerusi FELDA melibatkan peruntukan RM519 juta.

Selain itu, dana khas pelupusan lebih hutang tanam semula turut diwujudkan melibatkan peruntukan RM300 juta bagi tempoh lima tahun bermula tahun 2017 hingga 2021 untuk melupuskan hutang kos operasi melebihi jangkaan RM40,000.

"Ini bermakna, jika hutang bagi kos operasi tanam semula

adalah berjumlah RM60,000, sebanyak RM20,000 akan dilupuskan menggunakan dana khas ini, menerusi penilaian berdasarkan permohonan yang dihantar dan diluluskan oleh jawatan kuasa di peringkat FELDA," katanya.

Perdana Menteri menegaskan insentif-insentif itu diberikan kepada 94,956 peneroka yang layak iaitu kebun mereka diurus oleh FELDA atau menghantar hasil kepada FELDA.

Menurutnya, mereka yang bermuafakat bersama FELDA itu turut setia membayar hutang-hutang yang didahulukan oleh FELDA seperti hutang tanam semula dan pembesaran rumah.

Tambahnya mereka juga turut mencarum di dalam beberapa tabung yang diuruskan FELDA seperti tabung tanam semula dan

tabung keceriaan kampung.

Najib dalam pada itu berkata, atas niat yang mulia dan semangat permuafakatan buat pertama kalinya secara rasmi beliau mengumumkan bahawa 17,679 peneroka yang tidak menghantar hasil kepada FELDA dan peneroka yang menyaman FELDA akan diberi peluang kembali bermuafakat bersama agensi berkenaan.

"Namun begitu, waktu untuk kembali bermuafakat bersama FELDA ini adalah bagi tempoh enam bulan, bermula Ogos ini dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh FELDA.

"Bagi para peneroka yang kembali bermuafakat nanti, mereka layak untuk menerima insentif-insentif yang akan diumumkan bermula Februari 2018," katanya.